

## Hubungan Emosi Dan Akhlak Dalam Kekeluargaan Saudara Baru Selepas Memeluk Islam

*Relation Between Emotions And Morality In Muallafs' Family Relationship After The Conversion*

Nur Najwa Hanani Abdul Rahman , Akmaliza Abdullah , Mohammad Naqib Hamdan , Aimi Wafa Ahmad

*Academy of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor.*

\*Corresponding author: nurnajwahanani@utm.my

---

### Article history

Received: 2019-07-28    Received in revised form: 2019-10-28    Accepted: 2019-11-16    Published online: 2020-01-31

### Abstract

As a key element in a man who is renowned as an emotional being, emotions exerts distinct influence on man's moral behaviour. Emotions and morality are inextricably intertwined and therefore, individuals who possess positive emotions will bring out good moral behaviour in themselves. Likewise, for *muallafs* who convert to Islam, they have to experience various emotional changes while encountering trials of life during and after their conversion. Their ability to manage emotions effectively results in manifesting good moral behaviour. Thus, even though their family remains non Muslim, they can still keep the family relationship intact. The study is aimed at analysing the relation between emotions and morality in *muallafs'* family relationship after the conversion. Descriptive statistics using min, mode, score and standard deviation is employed to describe correlation and regression between emotions and morality in *muallafs'* family relationship after their conversion to Islam. The survey was conducted among 400 *muallafs* in Johor. The findings indicated that there is a very significant relationship between emotions and morality of *muallafs'* in maintaining good family relationship after the conversion.

*Keywords:* *Muallaf*, muslim converts, emotion, morality, family relation, relations emotion and morality

### Abstrak

Sebagai makhluk beremosi, emosi menjadi suatu elemen penting dalam diri manusia yang turut memberi pengaruh yang ketara kepada akhlak mereka. Jika seseorang itu memiliki emosi yang positif, secara tidak langsung mereka juga akan mempunyai akhlak yang berkesan. Begitu juga dengan seorang Saudara Baru yang baru memeluk Islam, mereka terpaksa menghadapi perubahan emosi yang pelbagai dalam mengharungi cabaran dan dugaan semasa dan selepas memeluk Islam. Emosi sangat mempengaruhi kehidupan seseorang. Terdapat saudara baru yang mengalami masalah emosi, tidak dapat mengawal emosi dan akhirnya ada kembali semula kepada ajaran asal kerana tertekan. Sekiranya saudara baru ini mampu mengawal emosi dengan baik, maka akan lahir akhlak yang baik dalam diri mereka. Maka hubungan kekeluargaan juga dapat dipelihara dengan baik walaupun berhadapan dengan ahli keluarga yang bukan Islam. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kaitan antara emosi dengan akhlak dalam hubungan kekeluargaan Saudara Baru selepas memeluk Islam. Mod, Min, Max dan skor serta sisihan paipai secara Statistik deskriptif digunakan serta untuk melihat korelasi dan regresi antara aspek akhlak dan emosi dalam hubungan kekeluargaan Saudara Baru selepas memeluk Islam statistik inferensi digunakan. Kajian dilakukan ke atas 400 orang Saudara Baru di sekitar negeri Johor yang melibatkan Saudara Baru berlatar belakang pelbagai kaum. Hasil kajian didapati terdapat hubungkait yang sangat signifikan antara akhlak dan emosi dalam hubungan kekeluargaan Saudara Baru selepas memeluk Islam.

*Kata kunci:* Emosi saudara baru, akhlak saudara baru, saudara baru, hubungan kekeluargaan, muallaf, saudara kita

## **1.0 PENGENALAN**

Perubahan akan berlaku dari pelbagai aspek oleh seseorang saudara baru yang baru memeluk Islam. Tambahan pula, dorongan dan sokongan sangat diperlukan oleh saudara baru setelah memeluk Islam kerana mereka akan mengalami perubahan besar dalam diri mereka. Memerlukan perubahan ke arah yang positif memerlukan individu yang mempunyai jiwa yang besar dan kental. Sebaik-baik usaha adalah dengan bermujahadah melawan segala nafsu dalam diri yang memerlukan sokongan dan dorongan dari pelbagai pihak terutamanya keluarga. Perubahan Emosi memainkan peranan yang sangat penting bagi seseorang Saudara Baru semasa atau selepas memeluk Islam. Pelbagai cabaran dan dugaan terpaksa mereka lalui bagi memastikan diri serta keluarga dapat mencapai hidup yang lebih baik dan selasa. Nur Najwa Hanani et. al (2016) menyatakan cabaran dalam hubungan kekeluargaan juga merupakan masalah utama kerana mendapat tentangan dari keluarga yang tidak memeluk Islam seperti dipukul, didera, dihalau dari rumah dan sebagainya. Begitu juga dengan aspek akhlak atau tingkah laku yang mana banyak perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam tidak di benarkan seperti minum arak, berjudi, makan babi dan sebagainya perlu ditinggalkan. Perubahan-perubahan ini semua mempengaruhi dari aspek emosi dan akhlak seseorang Saudara Baru selepas memeluk Islam.

Menurut Nuraisyah (2006) salah satu cabara yang perlu dihadapi adalah hubungan kekeluargaan di mana saudara baru perlu tabah menghadapinya selepas mereka memeluk Islam. Ada sesetengah ahli keluarga yang tidak dapat menerima Saudara Baru pada peringkat awal pemelukan mereka ke dalam agama Islam dan ada juga yang langsung tidak dapat menerima. Sebaliknya, menurut Stone (2003) terdapat ibu bapa dan ahli keluarga dari kalangan Cina yang tidak boleh menerima anak atau ahli keluarga mereka yang memeluk Islam tetapi tidak kisah anak mereka menganut agama lain selain agama Islam.

Nur A'thiroh Masyaa'il Tan dan Farid Md Sham (2009) menyatakan golongan mualaf menghadapi pelbagai dugaan, cabaran dan masalah mualaf sebelum, semasa dan selepas memeluk Islam. Antaranya adalah tidak diterima oleh ahli keluarga sendiri yang tidak memeluk Islam, tidak mengaku anak oleh ibu bapa kandung, terputusnya hubungan kekeluargaan, golongan saudara baru dipulaukan,kekangan kewangan di sekat serta tidak dibenarkan pulang. Cabaran dan masalah ini boleh menyebabkan tekanan perasaan dan gangguan emosi dalam diri seseorang saudara baru.

Menurut kajian yang telah dibuat oleh Anuar Puteh (2008) dan Amran Kasimin (1985) golongan masyarakat Cina yang menukar atau mengubah agama mereka kepada agama Islam di dalam adalah satu perbuatan yang dibenci dan dipandang serong kerana menganggap agama Islam hanya untuk masyarakat melayu sahaja. Perbuatan menukar agama adalah merupakan satu penghinaan dan pengkhianatan kepada keturunan dan perjuangan bangsa Cina kerana beranggapan golongan ini mahu memutuskan ikatan kekeluargaan dan keturunan. Saudara baru telah diusir dan disingkir oleh keluarga kandung dan terpaksa mencari tempat berteduh yang lain. Mereka juga kerap kali menerima ugutan oleh keluarganya serta dipukul dan didera terutamanya kepada mereka yang di bawah umur dan perempuan (Kasimin, 1985)

Pada masa yang sama, ada yang masih menetap bersama keluarga kandung tetapi mereka seperti disisihkan dan dipulaukan dalam kehidupan komuniti dan kelurga. keluarga tidak menerima ahli keluarga telah memeluk Islam kerana kebanyakkan adat seperti pemakaian, pemakanan, tradisi nenek moyang mereka bertentangan dengan ajaran Islam (Anuar Puteh, 2008). Tambahan pula, menurut laporan yang diperolehi dari Unit Ukhwah, Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Johor juga menerangkan permasalahan serta cabaran yang turut dihadapi

oleh mereka diusir dari rumah, diugut bunuh, dikurung serta dibekukan kewangan, tidak dibenarkan mewarisi harta serta dilarang sama sekali berjumpa dengan ahli kelurga mereka (Statistik Unit Ukhudah, Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Johor, 2014).

## **2.0 DEFINISI SAUDARA BARU**

Penggunaan istilah muallaf atau saudara baru tidak asing dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Muallaf dianggap istimewa kerana mereka antara penerima yang layak menerima zakat dan selesai mengucapkan dua kalimah syahadah, mereka seperti bayi yang baru lahir kerana suci daripada dosa-dosa yang telah mereka lakukan. Golongan muallaf adalah mereka yang baru memeluk Islam ataupun bertukar agama asal kepada agama Islam. Istilah saudara baru dan saudara muslim juga digunakan untuk menggantikan daripada perkataan muallaf (Nur A'athiroh Masyaa'il Tan et al. 2014, Abdullah 1973). Individu yang melakukan penukaran agama (*religious conversion*) kepada agama Islam akan dipanggil saudara baru. Dari segi undang-undang Malaysia, saudara baru perlu mengucap dua kalimah syahadah sebagai tanda beliau sudah memasuki agama Islam di hadapan dua orang saksi (Zuliza, 2001). Dengan mengucapkan dua kalimah syahadah mereka perlu mematuhi ajaran Islam. Tambahan pula, dalam konteks masyarakat melayu akan merujuk saudara baru cina, india atau lain-lain etnik sebagai muallaf.

Selain itu juga, golongan saudara baru adalah mereka yang dilembutkan hatinya untuk berpegang teguh kepada ajaran Islam dengan melafazkan dua kalimah syahadah. Mereka juga akan menerima bantuan berbentuk zakat sebagai memotivasi dalam menjalani kehidupan baru mereka dan beramal dengan ajaran Islam (Syarul Azman, Abur Hamdi & Muhammad Yusuf 2016). Saudara baru memerlukan sokongan dan nilai-nilai Islam untuk diterapkan dalam diri. Mereka perlu diberi bimbingan dan perhatian yang secukupnya dalam menjalani kehidupan baru sebagai seorang muslim. Penggunaan istilah muallaf dan saudara baru dapat meningkatkan tali persaudaraan dan kasih sayang sesama muslim (Mohd Syukri & Osman Abdullah, 2003). Kita perlu mempunyai hubungan kemasyarakatan yang baik terhadap saudara baru supaya mereka rasa dihargai dan tidak berasa tersisih.

Istilah muallaf juga telah disebut di dalam kitab suci al-quran di dalam surah al-Taubah, 9 ayat 60: Firman Allah SWT yang bermaksud: “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, dan orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan Muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah SWT, dan musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah SWT amat mengetahui lagi amat bijaksana”.

## **3.0 HUBUNGAN ANTARA EMOSI DAN AKHLAK DALAM KEKELUARGAAN SAUDARA BARU**

### **3.1 Hubungan Kekeluargaan**

Muallaf akan rasa terasing kerana baru sahaja memeluk Islam dan semua perkara menjadi serba baru dalam diri mereka untuk mengenal dunia Islam. Jadi saudara baru memerlukan sokongan dari aspek kekeluargaan yang utama untuk mereka terus kuat dan berpegang teguh dalam ajaran Islam. Keluarga adalah individu paling rapat dan kenal sejak dari kecil sehingga dewasa. Muallaf memerlukan keluarga untuk menjadi tulang belakang dan penyokong kuat untuk memberi semangat. Ibu bapa adalah individu yang bertanggungjawab dalam mendidik dan memberi kasih sayang (Nur Najwa Hanani & Razaleigh Kawangit, 2017). Mohammad Nasir Saludin, Rika Fatimah Panjaitan et. al (t.t) secara umumnya, kejayaan dan keharmonian kualiti

hubungan sesebuah keluarga bersama ahli keluarga yang lain ialah dapat memenuhi keperluan atau kehendak sesebuah ahli keluarga dalam jangkauan yang tidak terbatas.

Gelaja sosial dapat dikurangkan sekiranya setiap keluarga dapat menjaga kualiti hubungan sesama ahli keluarga yang berpunca daripada permasalahan keluarga dalam sesebuah masyarakat dan negara. Menurut Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) keluarga ialah ahli keluarga yang mempunyai hubungan pertalian darah atau diiktiraf menjadi ahli keluarga melalui beberapa ikatan. Keluarga juga merupakan satu unit pasangan yang dijababulan melalui ikatan pernikahan dan perkahwinan iaitu sepasang suami isteri yang sah dari sisi agama, adat resam dan budaya serta undang-undang; (Rumaya & Rujanah, 2002).

Dalam suasana berumah tangga, individu perlu melakukan perubahan diri ke arah yang lebih baik dalam memelihara hubungan yang harmoni di antara ibu, bapa, suami, isteri, jiran dan lain-lain. Berbudi pekerti dan sentiasa berakhhlak mulia serta memelihara tutur kata, adab dan sopan mengikut keupayaan diri sendiri. Emosi dan akhlak sangat diperlukan dalam pembinaan sesebuah keluarga. Keluarga yang saling memahami, sentiasa memberi dorongan dan sokongan, saling bekerjasama dan dapat memperbaiki diri dan hubungan sesama ahli keluarga pasti akan dapat hidup dengan bahagia dan harmoni serta mendapat redha Allah SWT.

Justeru, apabila seseorang itu sedang mencuba melakukan perubahan ke arah kebaikan, perlunya sokongan yang proaktif dan positif dari pasangan dalam membantu ke arah perubahan itu. Beri masa, peluang dan ruang dalam usaha membiasakan perubahan. Suami yang berjaya meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT akan menjadi contoh kepada anak dan ini memudahkan mereka untuk membimbing ahli keluarga supaya taat kepada Allah (Mazlina Ismail, 2015).

Seterusnya menurut Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin (Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia) menjelaskan saudara Baru memainkan peranan dalam kehidupan sosial dan bermasyarakat. Mereka juga masih boleh mengamalkan serta melaksanakan adat, tatacara dan budaya asal mereka selagi tidak bertentangan d Islam. Saudara Baru seharusnya mengekalkan hubungan sesama keluarga kandung dan ahli keluarga mereka. Contohnya, apabila tiba perayaan tahun baru Cina, saudara Baru boleh meraikannya bersama-sama ahli keluarga kandung kerana perayaan ini tidak melibatkan acara yang dilarang dalam ajaran Islam dan merupakan perayaan satu kebudayaan (Nur A'thirah Masyaa'il Tan Abdullah @Tan Ai Poa & Fariza Md Sham, 2009).

Justeru itu, kelurga merupakan orang yang terpenting dalam hidup kita terutamanya ibu bapa dan adik beradik kita. Hubungan keluarga sangat penting dalam membantu saudara baru untuk mendapat emosi yang stabil serta melahirkan akhlak yang baik dan sempurna.

### **3.2 Hubungan Keluarga Dari Aspek Emosi**

Manusia dianugerahkan dengan gabungan kombinasi emosi, pemikiran dan fizikal yang berlainan. Emosi dapat mengawal perasaan dan fisiologikal seseorang. Emosi mempunyai pelbagai maksud dan tafsiran. Emosi dari segi bahasa berasal dari perkataan latin, iaitu “e’mover bermaksud keluar (*out*) dan *move* yang membawa maksud gerak (*move*)” (Plutchik, 1980; Solomon, 1993; Scherer, 2005). Emosi juga membawa maksud sebagai “pengaruh (*affect*), watak (*disposition*), perasaan (*feeling*) atau situasi minda (*mood*)” (Gardner, 1985; George, 1991).

Selain itu dari segi tingkah laku seseorang, “emosi berkait dengan keseluruhan diri individu dari aspek sosial, psikologi dan biologi” (Lazarus, 1991). Emosi juga berpandukan corak perubahan yang kompleks dalam diri seseorang individu termasuklah perubahan dari aspek tindak balas tingkah laku, fisiologi, perasaan yang subjektif dan proses kognitif (Atwater & Duffy, 1999). Terdapat pelbagai bentuk perasaan seperti marah, sedih, gembira, takut boleh ditafsirkan

dari pada tindak balas. Sebahagian “sarjana psikologi membezakan bentuk emosi kepada dua jenis perasaan emosi (*felt emotion*) dan persempahan emosi (*displayed emotion*)” (King, 1998; Tsai & Chentsove-Dutton, 2003). Emosi ini merupakan satu perasaan yang wujud dalam diri individu seperti marah, sayang, sedih dan gembira dan sebagainya yang mana perkara-perkara ini mempersempahkan perasaan dan emosi seseorang.

*Mu'jam Ilm al-Nafs* mentakrifkan emosi sebagai “*infi'al* iaitu keadaan dalaman yang menunjukkan pengalaman dan perbuatan yang dizahirkan dalam sesuatu peristiwa yang berlaku seperti perasaan takut, marah dan lain-lain. Keadaan dalaman atau emosi itu akan menyebabkan aktiviti harian terganggu” (Fakhru 'Akil 1985). Manakala dalam Encyclopedia of Social Psychology pula mendefinisikan emosi sebagai peristiwa termasuk tindak balas psikologikal atau hasil tindak balas kepada suatu kejadian, tindak balas kognitif dan perasaan yang dialami seperti yang menggembirakan, tindak balas tingkah laku (Manstead & Hewstone 1995).

Emosi adalah perkara yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan kerana ia telah sebat dalam jiwa. Keadaan dan situasi yang berbeza menunjukkan pelbagai reaksi yang berlainan menunjukkan kita sebagai individu yang normal. Apabila berlaku kematian kita bersa sedih, bila melihat kejayaan kita rasa gembira. (Salasiah Hanin Hamjah 72:2011). Emosi dan perasaan seperti tangisan, gelak ketawa, kesedihan dan ketakutan warna kehidupan, membentuk sikap dan personaliti serta menggerakkan arah hidup manusia. Hurlock (1973), menjelaskan pelbagai masalah yang melibatkan emosi perlu dilihat jesannya terhadap individu, keluarga dan masyarakat. Gangguan dan ketegangan emosi yang diterima jika terlalu tinggi atau berterusan bukan hanya mempengaruhi tingkah laku dan tindakan tetapi juga sikap dan keadaan psikologikal, nilai dan kebolehan mereka.

Setiap Saudara baru akan menghadapi perubahan hubungan kekeluargaan dari aspek emosi. Perubahan yang di lalui oleh seseorang Saudara baru adalah perubahandari sudut positif atau negatif. Begitu juga dengan ahli keluarga Saudara baru sama ada mereka yang bersama-sama memeluk Islam atau yang bukan Islam terutamanya ibu bapa serta adik-beradik menghadapi perubahan emosi dalam hubungan kekeluargaan.

Pengaruh emosi memainkan peranan yang besar dalam mewarnai hubungan kekeluargaan. Emosi merangkumi pelbagai perasaan seperti malu, sedih, kecewa, sayang, gembira, bimbang, simpati, tenang, bahagia dan sebagainya. Kelangsungan hidup manusia juga adalah dipengaruhi oleh kewujudan emosi yang menentukan tingkah laku atau akhlak seseorang manusia. Kemampuan mengawal emosi amat penting terutamanya dalam hubungan kekeluargaan. Dalam kehidupan sehari-hari manusia menggunakan segala aspek kognitif, pengetahuan dan juga emosi untuk berinteraksi antara satu sama lain dan juga menentukan dalam apa yang akan mereka lakukan. Ketika manusia berhubung, mereka bertindak balas dengan pelbagai perasaan seperti takut, marah, benci, kasih sayang, empati dan lain-lain. Maka berbagai-bagai emosi ini akan memainkan yang penting dalam membentuk tingkah laku atau akhlak dalam hubungan kekeluargaan Saudara baru.

### **3.3 Hubungan Keluarga dari aspek Akhlak**

Ibn Khaldun juga menjelaskan:

*“Akhlak yang baik lahir dari perseitaran yang baik. Akhlak yang baik lahir dari pengamatan tang mempengaruhi kehidupan diri sendiri berdasarkan kepada faktor-faktor persekitaran”.*

Hassan (1987) berpandangan:

“Penghayatan nilai akhlak seseorang yang dipengaruhi oleh persekitaran mampu memberi kesan dalam diri seseorang individu. Menurut beliau, pembelajaran sosial yang menggabungkan asas-asas pembelajaran sosial seperti rangsangan, kepatuhan, peneguhan, tindak balas, identifikasi, permodelan merupakan peringkat akhir yang dibentuk melalui dari proses pengukuran sosial dalam penghayatan nilai akhlak”. Proses ini seterusnya memerlukan kehadiran faktor-faktor motivasi luaran seperti galakan dan ancaman dalaman seperti keinginan dan kepuasan diri untuk dipandang benar”.

Definisi Akhlak ialah kata nama yang bersifat jama’ yang berasal dari *khuluq* (خلق). *Khuluq* bererti budi pekerti, tingkah laku dan tabiat (Mustafa Hj. Daud 1996:4). Perkataan *Khuluq* ini pula adalah pecahan daripada perkataan *al-khalaq* yang bermaksud ciptaan (Harun Din et. al 1985:143).

Maksud akhlak menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi ketiga adalah “*budi pekerti, kelakuan dan tingkah laku*”.

Menurut kamus *Junior English Dictionary* telah memperkatakan tentang akhlak sebagai “*having to do with character or behavior, especially right behavior*”. Bermaksud, membuat sesuatu perkara dengan menggunakan akal fikiran atau tingkah laku yang baik kerana menunjukkan seseorang itu sudah dapat mencapai akhlak moral yang tinggi. Di dalam *Kamus Lisan Al-Arab* akhlak bermakna tabiat atau watak (Ibnu Manzur 1997:304). Kesimpulannya, akhlak adalah nilai moral yang baik yang perlu diterapkan dalam tingkah laku manusia. Dengan kata lain, akhlak yang baik dapat menghalang diri dari melakukan perbuatan jahat dan keji (Aming Yalawae & Ahmad Farid bin Ibrahim, 2007).

Dari segi istilah pada lazimnya, akhlak ditakrifkan sebagai tenaga dalaman yang mewujudkan perbuatan yang boleh dilihat. Akhlak ialah satu contoh tingkah laku, sifat atau perbuatan yang boleh dikeluarkan dengan mudah tanpa memerlukan kepada pemikiran dan riwayat. Jelaslah bahawa tingkah laku atau sifat yang mematuhi syarak dan logik akal automatik akan dikategorikan sebagai berakhhlak mulia. Sebaliknya jika tingkah laku itu bersifat jahat akan dikategorikan sebagai berakhhlak buruk (Al-Jurjani, 2002).

Al-Ghazali menerangkan didapati bahawa akhlak telah wujud dalam diri manusia untuk mengekspresikan segala tingkah laku dengan senang (spontan) tanpa memerlukan pemikiran yang terlalu lama (teragak-agak). Dengan kata lain, al-Qur'an dan al-Sunnah adalah panduan yang baik untuk manusia bersifat mulia. Jika perbuatan itu disenaraikan didalam al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sifat buruk maka kita perlu jauhi (al-Ghazali).

Menurut Imam al-Ghazali dan Ibnu Maskawih, nafsu atau jiwa yang wujud dalam diri individu adalah asbab kepada tingkah laku manusia bertindak balas. Jika nafsu dan jiwa dipenuhi dengan sifat baik, maka tingkah laku individu itu bersifat baik dan sebaliknya. Pengaruh emosi dalaman sebagai teras utama dalam mencetus dan mewujudkan elemen akhlak dalam diri individu. Oleh yang demikian, hukum syarak perlu dipatuhi supaya dapat membentuk moral yang baik. Perbuatan yang melanggar hukum syarak akan melahirkan akhlak yang buruk (Mohd Nasir Omar, 2005).

Akhhlak juga berperanan besar dalam membentuk ciri-ciri individu seperti dari segi percakapan, kegiatan, perancangan, perbuatan perasaan dan pemikiran. Dalam kata lain, akhlak sangat menitik beratkan hak diri sendiri, keluarga, masyarakat, negara dan alam sekitar. Sebagai contoh, menjalankan kewajipan anak yang baik kepada kedua ibu bapa, menjadi jiran yang prihatin terhadap masalah sekeliling dan saling hormat-menghormati tidak kira agama dan bangsa yang berbeza.

Akhhlak juga sangat menekankan untuk menjauhi dan menghindari segala perintah Allah s.w.t seperti membunuh, mencuri, sumbang mahram, hasad dengki, iri hati, tidak menutup aurat, meniru, tidak bersifat jujur dan lain-lain. Individu yang berusaha dan tidak mudah goyah dalam

menghadapi ujian Allah dan mematuhi suruhan Allah adalah individu yang mempunyai akhlak dan moral yang tinggi (Modul Bimbingan Saudara baru Akhlak Tahap 4, 2011).

## **4.0 HASIL KAJIAN**

### **4.1 Analisis Deskriptif**

Dalam konteks kajian ini berdasarkan definisi emosi yang terlibat secara keseluruhannya aspek emosi yang terlibat dalam transformasi hubungan kekeluargaan ini merangkumi perasaan tenang, gembira, sayang, bahagia, sedih, marah, takut dan kecewa terhadap Saudara baru selepas memeluk Islam dan ahli keluarga. Kajian yang melibatkan seramai 400 orang responden Sauadara baru di sekitar negeri Johor mendapati dapatan kajian menunjukkan bahawa konstruk bagi hubungan kekeluargaan dari segi aspek Emosi, skor minimum adalah 7.75, skor maksimum adalah 34.78. Bagi konstruk emosi juga min skor adalah 20.96 dengan sisihan piawai 4.77. Ini menunjukkan 10 item di bawah konstruk ini, majoriti responden menjawab setuju bagi setiap item (Jadual 1).

Dalam konteks kajian ini, berdasarkan definisi akhlak di atas secara keseluruhannya aspek akhlak yang terlibat dalam transformasi hubungan kekeluargaan ini merangkumi aspek menghormati ibu bapa dan ahli keluarga Islam dan bukan Islam, adab percakapan, tanggungjawab, ziarah, pemakaian, hormat-menghormati, aktiviti keluarga, tanggungjawab dan pemakanan. Manakala, bagi konstruk hubungan kekeluargaan dari aspek Akhlak, skor minimum yang diperolehi adalah 5.01 dan 34.78 adalah skor maksimum. Manakala min skor bagi konstruk akhlak adalah 22.71 dengan sisihan piawai 7.01. Ini menunjukkan 10 item di bawah konstruk ini, kebanyakkan responden memilih jawapan Setuju bagi setiap item (Jadual 1).

**Jadual 1** Skor Minimum, Maksimum, Min Dan Sisihan Piawai

Konstruk	Minimun	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Hubungan Kekeluargaan (Emosi)	7.75	34.78	20.94	4.87
Hubungan Kekeluargaan (Akhlak)	5.01	37.70	22.67	7.12

Sumber: Soal Selidik (Nur Najwa Hanani, 2017)

### **4.2 Analisis Inferensi**

Bahagian ini membentangkan analisis Korelasi Pearson yang bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian yang dibuat dan analisis regresi linear di gunakan untuk membuat ramalan serta menghuraika serta mengaitkan nilai bagi satu pemboleh ubah bersandar berdasarkan nilai satu atau lebih pemboleh ubah tidak bersandar yang di hubungkan. Analisis regresi dijalankan untuk melihat pengaruh atau kesan pembolehubah tak bersandar (independent variable) terhadap pembolehubah bersandar (dependent variable).

Korelasi adalah untuk menentukan hubungan antara dua pemboleh ubah berdasarkan item statistik yang digunakan. Dalam kajian ini, pekali Pearson digunakan untuk menentukan hubungan antara dua pemboleh ubah serta digunakan untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah. (Mohd Yusri Ibrahim, 2010). Menurut Mohd Majid (2000) kekuatan nilai  $r$  berdasarkan jadual 2 berikut:

**Jadual 2** Indeks Korelasi Pearson

Nilai Indeks Korelasi	Interpretasi Hubungan
0.00 – 0.20	Sangat Lemah
0.21- 0.40	Lemah
0.41- 0.70	Sederhana
0.71- 0.90	Kuat
0.91-1.00	Sangat kuat

Sumber: Mohd Majid 2000

Berdasarkan kajian yang dibuat bahagian ini menjawab persoalan yang ketiga, keempat dan kelima yang telah dikemukakan. Analisis korelasi Pearson digunakan  $r$  digunakan untuk menentukan hubungan antara setiap pemboleh ubah-pemboleh ubah. Berdasarkan hasil keputusan pekali korelasi Pearson, mendapati semua pasangan pemboleh ubah mempunyai korelasi yang positif signifikan pada aras alpha = 0.01. Nilai  $r$  menjelaskan setiap pasangan pemboleh ubah yang menunjukkan korelasi, peratus varians daripada pemboleh ubah pertama menyumbang kepada pemboleh ubah kedua (Jadual 2). Dapatkan kajian dikemukakan berdasarkan hipotesis-hipotesis nul yang dikemukakan:

**H.1: Tidak terdapat kaitan yang signifikan antara aspek emosi dan akhlak dalam transformasi hubungan kekeluargaan yang berlaku terhadap Saudara baru di Johor selepas memeluk Islam.**

Terdapat terdapat kaitan yang signifikan antara aspek emosi dan akhlak dalam transformasi hubungan kekeluargaan yang berlaku terhadap Saudara baru di Johor selepas memeluk Islam. Keputusan jadual 3 menunjukkan wujud hubungan yang positif ( $=0.647$ ,  $p<0.01$ ) di antara kedua pemboleh ubah ini dengan kekuatan hubungan yang sederhana (Jadual 3). Oleh demikian hipotesis nul ditolak dan hipotesis kajian adalah diterima iaitu terdapat hubungan sederhana antara emosi dan akhlak.

**Jadual 3** Kaitan Korelasi Pearson

Hubungan Kekeluargaan (Emosi)	Korelasi		
	Pearson Correlation	Hubungan Kekeluargaan (Emosi)	Hubungan Kekeluargaan (Akhlak)
		1	.647**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	455	455
Hubungan Kekeluargaan (Akhlak)	Pearson Correlation	.647**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	455	455

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

#### **4.2.1 Regresi Kaitan Transformasi Hubungan Kekeluargaan antara Aspek (Emosi dengan Akhlak)**

Analisis regresi dilakukan bagi mengkaji dan melihat pengaruh atau kesan sesuatu pembolehubah tak bersandar (*independent variable*) terhadap pembolehubah bersandar (*dependent variable*).

**H<sub>0</sub>:** Tidak terdapat kaitan yang signifikan antara aspek emosi dan akhlak dalam transformasi hubungan kekeluargaan yang berlaku terhadap Saudara baru di Johor selepas memeluk Islam

Hasil kajian yang diperolehi Nilai R<sup>2</sup> menunjukkan bahawa 51.9% transformasi dalam hubungan kekeluargaan aspek Akhlak disumbangkan oleh hubungan kekeluargaan aspek Emosi (Jadual 4). Daripada jadual ANOVA (Jadual 5), nilai F=326.885 dan nilai Sig=0.000 (p<0.05) menunjukkan terdapat perkaitan di antara hubungan kekeluargaan aspek Emosi dan hubungan kekeluargaan aspek Akhlak.

**Jadual 4** Regresi Transformasi Hubungan Kekeluargaan Aspek Emosi dan dengan Akhlak

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.647 <sup>a</sup>	.519	.518	5.34674

Sumber: Soal Selidik (Nur Najwa Hanani, 2017)

a.Predictors: (Constant), Hubungan Kekeluargaan (Emosi)

**Jadual 5** ANOVA Regresi Transformasi Hubungan Kekeluargaan Aspek Emosi dengan Akhlak

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	9344.876	1	9344.876	326.885	.000 <sup>b</sup>
	Residual	12950.211	453	28.588		
	Total	22295.087	454			

Sumber: Soal Selidik (Nur Najwa Hanani, 2017)

a. Dependent Variable: Hubungan Kekeluargaan (Akhlak)

b. Predictors: (Constant), Hubungan Kekeluargaan (Emosi)

Menurut jadual Coefficients (Jadual 6), persamaan yang terhasil daripada kedua-dua pembolehubah ini ialah hubungan kekeluargaan aspek Akhlak = 2.761 + (0.951) hubungan kekeluargaan aspek emosi. Persamaan menunjukkan apabila satu unit hubungan kekeluargaan aspek emosi meningkat, 0.951 unit hubungan kekeluargaan aspek Akhlak akan meningkat.

**Jadual 6** Coefficients Regresi Transformasi Hubungan Kekeluargaan Aspek Emosi dengan Akhlak

Model		Unstandardized Coefficients		Beta	t	Sig.
		B	Std. Error			
1	(Constant)	2.761	1.131		2.440	.015
	Hubungan Kekeluargaan (Emosi)	.951	.053	.647	18.080	.000

Sumber: Soal Selidik (Nur Najwa Hanani, 2017)

a. Dependent Variable: Hubungan Kekeluargaan (Akhlak)

## KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan majoriti responden bersetuju mengalami perubahan emosi dan akhlak selepas memeluk Islam. Kajian juga yang diperolehi menunjukkan terdapat hubungkait yang sangat signifikan antara emosi dan akhlak dalam hubungan kekeluargaan bagi saudara baru selepas memeluk Islam. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa lebih lima puluh peratus dan ke atas perubahan dalam hubungan kekeluargaan aspek Akhlak disumbangkan oleh hubungan kekeluargaan aspek Emosi. Hasil menunjukkan apabila satu unit hubungan kekeluargaan aspek emosi meningkat maka hubungan kekeluargaan aspek Akhlak akan meningkat. ini menunjukkan bahawa emosi dan akhlak mempunyai kaitan yang sangat kuat dalam mengalami perubahan emosi dan akhlak dalam hubungan kekeluargaan. Justeru itu, sebagai seorang Saudara Baru, emosi sangat penting untuk kesan yang ketara kepada akhlak mereka. Terutama di peringkat awal memeluk Islam. Banyak cabaran dan dugaan yang terpaksa dilalui dalam mengecapi hidup yang lebih baik dan sempurna berlandaskan ajaran Islam. Jika Saudara Baru memiliki emosi yang positif, secara tidak langsung mereka juga akan mempunyai akhlak yang baik.. Maka hubungan kekeluargaan juga dapat dipelihara dengan baik walaupun berhadapan dengan ahli keluarga Islam maupun keluarga yang bukan Islam.

## RUJUKAN

### *Al-Quran Al-Karim*

- Al-Ghazali. (1967). *Ihya' Ulum al-Din*. Juz. 2. Kaherah; Mtabi' Subhul al-Arab.
- Al-Ghazali. t.th.. *Ihya' 'Ulum al-Din*. juz.3, t.tp: t.p. ,56.
- Al-Jurjani. (2002). *al-Ta`rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 105.
- Aming Yalawae & Ahmad Farid Ibrahim. (2007). Akhlak Warisan Rasulullah S.A.W Membawa Kemuliaan Umat. Bil. 26. *Jurnal Usuluddin*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 71-83
- Amran Kasimin. (1985). *Saudara baru Cina di Wilayah dan Selangor*. Monograf 11. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. UKM. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Puteh, Abd. Ghafar Hj.Don, Badlihisham Mohd. Nasir, Razaleigh Muhamat, Muhamad Faisal Ashaari & Zarina Sezali. (2012). Cabaran Wanita Saudara Baru Bekerjaya di Daerah Sabak Bernam. Jilid 4. *Jurnal al-Hikmah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 23-36
- Anuar Puteh. (2005). Keperluan Bimbingan kepada Saudara Baru. Dalam Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Faudzinaim Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (peny.). *Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti dan Cabaran*. Bangi: Pusat Islam Universiti Kebangsaan Malaysia
- Atwater, E & Duffy, K.G. (1999). *Psychology for Living: Adjustment, Growth and Behaviour* Todalt (6'h ed). New Jersey: Prentice Hall
- DeSteno, D., Petty, R.E., Rucker, D.D., Wegener, D.T. & Braverman, J. (2004). Discrete emotions and persuasion: The role of emotion-induced expectancies. *Journal of Personality and Social Psychology*, 86(1),43-56
- Fakhir 'Akil.(1985). *Mujam ilm al-Nafs*. Beirut: Dar el-Ilm Lil Malayin
- Gardner, M.P. (1985). Mood States And Consumer Behavior: A Critical Review. *Journal of Consumer Research*, 12(5), 281-300.

- George, J.M. (1991). State or trait: Effects of Positive Mood On Pro-Social Behaviors At Work. *Journal of Applied Psychology*, 76 (6), 299-307
- Goleman, D. (1999). *Working with Emotional Intelligence*. New York. Bantam Books.
- Goleman, D.(1995). *Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Haron Din, Sulaiman Yasin, Hasan Salleh & Sidi Gazalba. (1985). *Manusia dan al-Quran*. Polis Diraja Malaysia.
- Ibn Manzur. (1997). *Lisan al-'Arab*. jil. 2, Beirut: Dar-Sadir, 304
- Junior English Dictionary*. t.th. Selangor: Percetakan Strikeway. Hlmn: 378.
- King, L.A. (1998). Ambivalence Over Emotional Expression And Reading Emotions. *Journal of Personality and Social Psychology*, 74(3), 753-762.
- Kinicki, A. & Kreitner, R. (2006). *Organizational Behavior*. Boston, US: McGraw-Hill/Irwin.
- Lazarus, R.S. (1991). *Emotion and adaptation*. New York: Oxford University Press
- Mahmood Nazar Mohamed. (1992). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manstead, A.S.R & Hewstone, M. (1995). *The Blackwell Encyclopedia of Social Psychology*. London: Basil Blackwell LTD, Oxford.
- Mazlina Ismail. (2015). Selasa. *Berita Harian*. Transformasi Diri Ke Arah Kehidupan Lebih Baik. 18 Ogos 2015
- Jabatan Agama Islam Johor. (2011). Modul Bimbingan Saudara Baru Akhlak Tahap 4. Johor Bahru: Jabatan Agama Islam Johor.
- Mohd Nasir Omar. (2005). *Akhlak dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Osman Abdullah@Chuah Hock Leng (2003). The Problems of Mu'allaf in Malaysia. *Jurnal Islamiyyat*, 24(2003), 65-84.
- Noresah Binti Baharom. (2002). *Kamus Dewan. Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsaleha Mohd. Salleh, Ab Halim Tamuri, Noor Hafizah Mohd. Haridi, Salleh Amat dan Amriah Buang, (2016). Kecerdasan emosi bertauhid dalam kalangan remaja Muslim Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 5, 179 - 190
- Nur A'athiroh Masyaa'il Tan, Razaleigh Muhamat @Kawangit, Anuar Puteh & Fakrul Adabi Abdul Kadir. (2014). Persepsi saudara Muslim terhadap program dakwah di PertubuhanKebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kebangsaan, Kuala Lumpur. Dalam *Jurnal SainsHumanika*. 2(1), 145-150. www.sainshumanika.utm.my
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao & Fariza Md Sham. (2009). Memahami Psikologi Saudara Muslim. *Jurnal Hadhari* 2, 83-98.
- Nur Najwa Hanani Abd Rahman & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2016). Tahap Kepuasan Kerja Saudara Kita Selepas Memeluk Islam di Johor. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(1), 1-23.

Nur Najwa Hanani Abd Rahman & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2017). Transformasi Hubungan Kekeluargaan Saudara Kita Dari Sudut Akhlak Selepas Memeluk Islam Di Johor. *Jurnal Al-Hikmah : Jilid 9(1)*, 80-109.

Nur Najwa Hanani Binti Abd Rahman. (2017). Transformasi Hubungan Kekeluargaan Dan Kepuasan Kerja Saudara Kita Selepas Memeluk Islam Di Johor. Tesis, PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nuraisyah Chua Abdullah. (2006). *Kisah Saya: Saudara baru*. PTS Publications & Distributors. Sdn. Bhd.

Plutchik, R. (1980). *A General Psycho-Evolutionary Theory Of Emotion*. New York: Academic Press

Salasiah Hanin Hamjah. (2011). Perubahan emosi dan tingkah laku Saudara Kita selepas memeluk Islam. Dlm. *Isu-Isu Pengurusan Saudara Muslim*. Razaleigh Muhamat @ Kawangit, 69-86. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Scherer, K. (2005). What Are Emotions And How Can They Be Measured. *Social Science Information Journal*, 44 (4), 695-729

Solomon, R. (1993). *The passions: Emotions And The Meaning Of Life*. Indianapolis: Hackett Publishing

Statistik Unit Ukhuhah, Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Johor. 2014

Stone, Wilbur. P. (2003). *The Diffusion of Christianity Among Urban Chinese People in Diaspora: The Case of Metropolitan Kuala Lumpur, Malaysia*. PhD yang tidak diterbitkan. Asbury Theology Seminary. UMI Digital Proquest Dissertations. <http://wwwlib.umi.com/dissertations/fullcit/3107895>.

Syarul Azman Shaharuddin, Abur Hamdi Usman & Muhammad Yusuf Marlon. (2016). Malay culture in Chinese Muslim newly convert (muallaf) perspective: Selangor case study. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(2 S1), 325-332.

Tourish, D. & Hargie, O. (2004). *Key Issues In Organizational Communication*. London: Routledge.

Tsai, J.L. & Chentsova-Dutton, Y. (2003). Variation among European Americans in emotional facial expression. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 650-657

Zuliza Mohd. Kusrin. (2001). Pendaftaran Memeluk Agama Islam di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat*, 22, 13-24.